



ديوان بندر كوالالمبور

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

BAHAGIAN PESURUHJAYA BANGUNAN KUALA LUMPUR

TINGKAT 17, BANGUNAN TH PERDANA

1001 JALAN SULTAN ISMAIL

50250 KUALA LUMPUR

TEL: 03-2617 1084

FAKS: 03-2693 7119

E MEL: cob@dbkl.gov.my

Ruj. Kami : (39)DBKL/JPPH/COBADMIN/21

Tarikh : 10 Julai 2015

PEKELILING COBKL 2015/01

Pengerusi

Badan Pengurusan Bersama (JMB) /

Perbadanan Pengurusan (MC)

Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Tuan/Puan,

KEPERLUAN UNTUK MEMPAMERKAN PENYATA PENDAPATAN, PERBELANJAAN, PENYELENGGARAAN BANGUNAN DAN PERANCANGAN MESYUARAT SERTA AKTIVITI JMB/MC PADA PAPAN NOTIS SECARA BULANAN.

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Pihak Pesuruhjaya Bangunan Kuala Lumpur (COBKL) dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sering kali menerima aduan berulang daripada pembeli/pemilik berkenaan sikap sesetengah anggota jawatankuasa Badan Pengurusan Bersama (JMB)/Perbadanan Pengurusan (MC) yang enggan memberikan kerjasama untuk mengemukakan maklumat sama ada berkenaan jumlah pendapatan, perbelanjaan, penyelenggaraan bangunan dan aktiviti-aktiviti yang dijalankan. Keadaan ini sekaligus menimbulkan aduan dan tohmahan terhadap anggota jawatankuasa serta boleh disiasat di bawah undang-undang bertulis sedia ada.

3. Oleh hal demikian, bagi mengatasi permasalahan di sini, pihak COBKL yang bertanggungjawab menguatkuasakan Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757) dengan ini mengeluarkan arahan pentadbiran kepada semua Badan Pengurusan Bersama (JMB)/Perbadanan Pengurusan (MC) di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang mengkehendaki tuan/puan untuk mempamerkan secara bulanan perkara-perkara berikut pada papan notis :

- a) Penyata pendapatan dan perbelanjaan bulanan JMB/MC (rujuk contoh yang dilampirkan);

- b) Jenis pembaikan dan perbelanjaan yang dianggarkan, jika ada, yang dilaksanakan oleh pemaju/JMB/MC; dan
- c) Perancangan tahunan/bulanan segala mesyuarat dan aktiviti yang diadakan oleh JMB/MC.

Pekeliling ini perlu dilaksanakan oleh pihak JMB/MC bermula pada **1 September 2015**.

4. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, tuan/puan boleh menghubungi pihak COBKL di talian **03-2617 1084** atau emelkan ke cob@dbkl.gov.my. Kerjasama tuan/puan adalah amat diharapkan demi kesejahteraan bersama komuniti strata. Dikemukakan perkara di atas untuk makluman dan perhatian pihak tuan/puan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"BERSEEDIA MENYUMBANG BANDARAYA CEMERLANG"

Saya yang menurut perintah,



(DATUK HJ. MOHD NAJIB BIN HJ. MOHD)

Timbalan Pesuruhjaya Bangunan
Kuala Lumpur

s.k Pesuruhjaya Bangunan Kuala Lumpur
Merangkap Datuk Bandar Kuala Lumpur
- Untuk makluman YBhg. Tan Sri

FORMAT BAGI PAPARAN PEMBELI/PEMILIK
BADAN PENGURUSAN BERSAMA/PERBADANAN PENGURUSAN
PENYATA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN
PADA 31HB. JANUARI 20XX (SETIAP BULAN)

	<u>JAN'XX</u> (RM)	<u>DIS' XX</u> (RM)
PENDAPATAN		
Faedah dari Simpanan Tetap	xxxxxx	xxxxxx
Pelbagai Pendapatan	xxxxxx	xxxxxx
Terimaan Caj Penyenggaraan	xxxxxx	xxxxxx
Terimaan Cukai Tanah	xxxxxx	xxxxxx
Terimaan Caj Sinking Fund		
Terimaan Air Dituntut	<u>xxxxxx</u>	<u>xxxxxx</u>
PERBELANJAAN		
Elektrik	xxxxxx	xxxxxx
Pengurusan Air	xxxxxx	xxxxxx
Kawalan Keselamatan	xxxxxx	xxxxxx
Bayaran Pentadbiran	xxxxxx	xxxxxx
Perkhidmatan Pembersihan	xxxxxx	xxxxxx
Pelbagai Perbelanjaan	xxxxxx	xxxxxx
Cukai Tanah (Secara Berpenggal)	xxxxxx	-
Penyelenggaraan/Penggantian Lif	xxxxxx	-
Penyelenggaraan/Penggantian Tangki Air	xxxxxx	-
Insurans (Secara Berpenggal)	<u>xxxxxx</u>	-
LEBIHAN/(KURANGAN) PADA 31.01.XX	<u><u>xxxxxx</u></u>	<u><u>xxxxxx</u></u>

Info :

Penyata Pendapatan dan perbelanjaan bulanan ialah suatu penyata yang menunjukkan jumlah pendapatan dan perbelanjaan sebenar JMB / MC setiap bulan.